

14/12/1998

Pelaksanaan Afta belum selesai

Jamhariah Jaafar in Hanoi

HANOI, Ahad - Menteri-Menteri Ekonomi Asean masih gagal mencapai persetujuan dalam butiran teknikal terutama membabitkan pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta).

Mesyuarat sehari semalam serta susulan Mesyuarat Bersama Menteri-Menteri Ekonomi dan Menteri-Menteri Luar (JMM), hari ini sebaliknya terus menyaksikan perbezaan pendapat hingga memaksa perbincangan ditangguhkan sehingga esok.

Seorang pegawai kanan Asean berkata, ketiadaan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, pada mesyuarat semalam menyukarkan sebarang keputusan muktamad mengenai penyegeraan pelaksanaan Afta.

"Tiada masalah muncul dalam pelaksanaan AIA (Kawasan Pelaburan Asean), tetapi mereka mengalami beberapa masalah dalam usaha untuk menyegerakan pelaksanaan Afta.

"Malaysia dipercayai tidak bersetuju dalam beberapa hal dan akan menyerahkan kepada Rafidah yang akan tiba di sini esok, bagi membuat keputusan," kata pegawai berkenaan.

Mesyuarat di kalangan menteri-menteri ekonomi Asean berkenaan dijangka diadakan selepas majlis makan malam tidak rasmi pemimpin, malam esok.

Rafidah dijadualkan tiba di sini esok bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pegawai berkenaan berkata, antara masalah teknikal yang timbul membabitkan tempoh pelaksanaan Afta serta Senarai Pengecualian Umum (GE List) yang tidak seimbang antara negara anggota.

Menurutnya, apabila memperkatakan mengenai mempercepatkan pelaksanaan Afta ia sebenarnya tidak sekadar membabitkan jangka waktu, bahkan kadar pengurangan skim Tarif Keutamaan Berkesan Bersama (CEPT) antara negara anggota.

Mengikut jadual asal Afta, enam negara anggota iaitu Malaysia, Brunei, Indonesia, Singapura dan Filipina, sepatutnya mencatat '0' tarif menjelang 2003, Vietnam pada 2006, manakala Laos dan Myanmar pada 2008.

Bagaimanapun, akibat daripada kegawatan ekonomi yang teruk menjejaskan rantau ini, negara anggota Asean bersetuju mempercepatkan pelaksanaan Afta iaitu tahun 2000 bagi enam negara pengasas Asean, manakala 2003 bagi Vietnam dan 2005 bagi Laos dan Myanmar.

Keputusan itu untuk mewujudkan liberalisasi perdagangan melalui penghapusan tarif di kalangan negara-negara anggota.

Pegawai berkenaan berkata, masalah teknikal timbul apabila tempoh pelaksanaan dicadangkan dipercepatkan, tetapi senarai GE iaitu produk yang dikecualikan tarif CEPT antara negara anggota tidak sama jumlahnya.

Mengikut senarai GE pada Jun lalu, Brunei menyenaraikan 239 produknya dikecualikan daripada tarif CEPT, Indonesia (45), Laos (102), Myanmar (108), Filipina (28), Singapura (120), Vietnam (131) dan Malaysia (63).

Bagaimanapun, Singapura dan Brunei yang mempunyai senarai GE terpanjang bukan saja tidak mahu mengurangkan senarai mereka, malahan meminta tempoh pelaksanaan Afta dipercepatkan.

"Adalah tidak adil apabila negara-negara yang mempunyai senarai begitu panjang, bukan saja tidak mahu mengurangkan nya tetapi meminta tarikh pelaksanaan Afta dipercepatkan.

"Penyegeraan pelaksanaan Afta sebenarnya tidak begitu memerlukan tarikh

tertentu dibawa ke hadapan, tetapi jumlah produk yang diberi taraf CEPT... itu yang lebih penting," katanya.

Mengenai langkah-langkah berani, beliau berkata dokumen berkenaan yang mungkin diumumkan secara berasingan daripada Pelan Tindakan Hanoi (HPA) pada sidang Selasa ini, dijangka dapat diselesaikan esok.

Di JMM hari ini, Malaysia diwakili Ketua Setiausaha Miti, Tan Sri Asmat Kamaluddin, manakala Datuk Abdul Kadir Mohamad, mewakili Menteri Luar.

Sementara itu, Menteri Luar Thailand, Surin Pitsuwan, berkata mesyuarat hari ini setuju untuk menawarkan pelbagai insentif untuk menarik lebih ramai pelabur bagi menyuntik semula ekonomi rantau ini.

Katanya, satu daripada insentif berkenaan ialah kelonggaran cukai bai melabur yang melabur di rantau ini dalam tempoh 1 Januari, 1999, sehingga 31 Disember, 2000.

"Anda akan melihat haluan ekonomi masa depan rantau ini lebih jelas, terutama dengan langkah berani bertujuan membawa masuk lebih banyak pelaburan asing bagi memulihkan semula ekonomi rantau ini," katanya selepas menghadiri JMM.

(END)